

01/02/2002

Sambutan ulang tahun pertama Putrajaya tiga hari berturut-turut

KUALA LUMPUR, Khamis - Sambutan ulang tahun pertama Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan 1 Februari ini, selama tiga hari berturut-turut, dimeriahkan pelbagai program.

Program Hari Wilayah bermula majlis pelancaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Februari ini, jam 8 pagi di Dataran Putra.

Perarakan Brass Band dan pertunjukan Rythmic Marial Art dijangka diadakan sebelum Perdana Menteri merasmikan sambutan di Selera Putra kira-kira jam 10.15 pagi.

Pada jam 3.30 petang, hari yang sama, perlumbaan basikal (ujian masa) Telekom Le Tour De Langkawi 2002 di Dataran Putra, akan diadakan.

Malah, Perdana Menteri dijangka menyampaikan sumbangan basikal dan jersi kepada peserta.

Sementara itu, aktiviti tasik akan diadakan 2 Februari ini, bermula jam 9 pagi di Tasik Putrajaya.

Acara yang diatur termasuk perlumbaan kayak, mendayung, demonstrasi menyelamat air oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya, pertunjukan pesawat Ultra Ringan Amfibia, kapal terbang, kapal laut serta bot kawalan jauh.

Pada sebelah malam, persembahan kebudayaan dan artis tempatan dijangka bermula kira-kira jam 8.45 malam dengan disusuli pertunjukan bunga api di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Satu di Presint Lapan.

Sementara itu, pertandingan memancing yang menjadi acara tahunan sempena sambutan Hari Wilayah di Putrajaya diteruskan pada 3 Februari di Promenade, berhadapan rumah kelab Tasik Putrajaya.

Pertandingan dijangka bermula jam 7.30 pagi. Bagaimanapun, peserta boleh mendaftar bermula jam 6.30 pagi.

Bagi memeriahkan acara yang dijangka mendapat sambutan sehingga 700 orang itu, pelbagai acara sampingan disediakan, termasuk pertandingan memasak ikan air tawar, pertunjukan puppet dan silap mata.

Kira-kira jam 3 petang hari yang sama, karnival komuniti akan diadakan untuk penduduk Putrajaya di Sekolah Menengah Presint Lapan.

Antara acara yang diatur termasuk pertandingan tarik tali, memadan kasut, mencari gula-gula, litar maut dan membaling tin.

(END)